



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Hari Keluarga SPE 2011 telah berlangsung di ODEC pada 26 Mac 2011 dengan membawa tema 'ONE BIG HAPPY FAMILY'. Aktiviti tahunan ini merupakan satu program yang diadakan dengan objektif mengeratkan silaturahim sesama kakitangan Sekolah Perniagaan & Ekonomi. Kira-kira 200 orang orang telah memeriahkan majlis tersebut yang diisi dengan pelbagai aktiviti antaranya sukaneka, senamrobik, pertandingan karaoke, serta pelbagai acara lain yang cukup memeriahkan sambutan hari keluarga SPE kali ini. Majlis telah dirasmikan oleh Dekan SPE, Prof Madya Dr Hjh Arsiah Hj Bahron, Dalam ucapan perasmian tersebut dekan turut menekankan peri pentingkan menjalinkan semangat kekeluargaan dalam kerja bagi mewujudkan keselesaan dalam perhubungan sesama rakan sepejabat.

